



Universiti Malaysia  
KELANTAN



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM FOOD BANK SISWA  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)**

**PADA**

**18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**TEMPAT**

**DEWAN TUANKU CANSELOR,  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Assalammualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

## **SALUTASI**

**(Akan disediakan ketika Majlis Pelancaran)**

## **ALUAN**

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini untuk menyaksikan **Majlis Pelancaran Program Food Bank Siswa di Universiti Malaysia Kelantan (UMK)**.
2. Program Food Bank Malaysia (PFBM) ini adalah salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan bertujuan untuk **membantu meringankan kos sara hidup rakyat selain mengurangkan pembaziran**. Kementerian ini telah melaksanakan program perintis pertama di Pulau Pinang pada Ogos 2018. Kejayaan program perintis ini telah dijadikan *benchmark* untuk dilaksanakan ke beberapa buah negeri lain seperti Kelantan, Melaka, Johor, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.
3. Untuk makluman semua, Program ini telah rasminya dilancarkan di Peringkat Kebangsaan pada **22 Disember 2018** di Kompleks Penyayang, Pulau Pinang. Sehingga **Oktober 2019**, seramai **418,000 ahli isi rumah** telah berjaya mendapat manfaat daripada Program ini.

4. Secara tidak langsung, Program ini juga telah berjaya menyelamatkan sebanyak **1,893 metrik tan lebihan makanan** dan merupakan **satu program yang berterusan** dan bukan bersifat sementara (*ad hoc*) dan hanya dijalankan sekali sahaja.
5. Susulan Mesyuarat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 15 Februari 2019, Kerajaan telah memutuskan untuk meluaskan Program Food Bank Malaysia yang dikendalikan oleh Kementerian ini ke seluruh institusi pengajian tinggi.
6. Kementerian melalui Yayasan Food Bank Malaysia telah mengambil inisiatif untuk **menghubungkan pihak industri** yang terlibat bukan sahaja pasaraya-pasaraya malah pengeluar produk makanan, restoran dan hotel dengan penggerak yang terlibat dalam membantu menyalurkan bantuan makanan kepada pihak Universiti. Kementerian juga sedang giat berusaha untuk **meluaskan Food Bank Siswa ini ke Universiti Awam di seluruh Malaysia.**

**Para Hadirin sekalian,**

7. Pelaksanaan Program Food Bank Malaysia ini mempunyai **3 rukun utama** iaitu;
  - i. **Pertama: Penyumbang** yang mana peranannya akan dimainkan oleh pihak pasar raya dan industri melalui sumbangan lebihan makanan yang dihasilkan oleh operasi atau perniagaan mereka.

- ii. **Kedua: Penggerak** yang diterajui oleh pihak NGO dan berperanan untuk mengumpul, mengasingkan dan menyalurkan sumbangan lebihan makanan tersebut kepada golongan sasar.
- iii. **Ketiga: Penerima** yang terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah.
8. Inisiatif Food Bank Siswa ini berkonsepkan “**Daripada Mahasiswa kepada Mahasiswa**” di mana kita mengalu-alukan pelajar yang ingin terlibat dalam menjayakan Food Bank Siswa ini terutamanya dari **Persatuan-Persatuan Pelajar untuk sama-sama membantu golongan pelajar yang memerlukan**.
9. Bagi melancarkan lagi pelaksanaannya, Kementerian telah memperkenalkan Food Bank Siswa melalui **dua konsep** iaitu:
- **Food Pantry:** Penyimpanan barang makanan kering di satu bilik yang sesuai dan diuruskan oleh Persatuan Pelajar yang ditugaskan. Pelajar yang layak menerima bantuan FBS ini boleh mengambil makanan mengikut jadual yang ditetapkan.
  - **Central Kitchen:** Sumbangan makanan yang boleh dimasak seperti sayur-sayuran dan buah-buahan akan dimasak dan diberikan kepada pelajar yang layak menerima bantuan ini. Central Kitchen akan ditetapkan oleh pihak Universiti dengan melihat kepada kesesuaian premis untuk penyediakan makanan bermasak.

**Para Hadirin sekalian,**

10. **UMK ini adalah Universiti ke-21** sejak Program Food Bank Siswa ini dilancarkan. Sebagai permulaan pelaksanaan program ini, saya difahamkan terdapat **200 orang pelajar** telah dikenal pasti dan layak menerima bantuan. Program ini akan digerakkan oleh **Sukarelawan Pelajar** yang berkonsepkan **Food Pantry**.
11. Kami juga berbesar hati dengan adanya pihak yang terlibat sebagai penyumbang bagi program ini iaitu:
  - i. **Food Aid Foundation;**
  - ii. **Tesco Stores (Malaysia) Sdn. Bhd.;**
  - iii. **Giant Superstore Tunjong;**
  - iv. **Econsave Cash & Carry Sdn. Bhd.;**
  - v. **Pantai Timor Hypermarket Sdn. Bhd.;**
  - vi. **Ang Kim Lin Sdn. Bhd.;**
  - vii. **Pasaraya KS Chu Sdn. Bhd.;**
  - viii. **IPTB Sdn. Bhd.;**
  - ix. **Gardenia Bakeries (KL) Sdn. Bhd.;**
  - x. **Kumpulan Legasi Z Sufi;**
  - xi. **Pasaraya Nirwana Maju;**
  - xii. **Billion Shopping Centre (KB) Sdn. Bhd.;**
  - xiii. **Pasaraya Econjaya (Kok Lanas) Sdn. Bhd.;**
  - xiv. **Mydin Mohamed Holdings Berhad;**
  - xv. **Pantai Timor Shopping Centre; dan**
  - xvi. **Shell**

12. Sehingga November 2019, program ini telah dilancarkan ke **20 buah IPTA** dan sebanyak **6,670 pelajar** telah menerima manfaat daripada program ini.

**Para Hadirin sekalian,**

13. Pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Perlindungan Penderma Makanan 2019 yang telah **diluluskan sebulat suara di Dewan Rakyat pada 9 Oktober 2019.**
14. RUU ini bertujuan untuk menggalakkan sumbangan makanan kepada golongan yang memerlukan dengan meredakan kebimbangan penderma-penderma, terutamanya pihak industri terhadap risiko tindakan undang-undang sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini.
15. Dengan pembentangan RUU ini, Insya-Allah semoga semuanya berjalan lancar dan Akta Perlindungan Penderma Makanan 2019 akan menjadi suatu kenyataan bagi menyokong usaha kementerian membasmi masalah kelaparan di Malaysia.
16. Apa yang lebih menarik, ketika pembentangan Belanjawan 2020 yang diumumkan pada 11 Oktober 2019, **sejumlah RM 25 juta diperuntukkan untuk mengurus, mentadbir dan meluaskan program Food Bank ke seluruh negara.** Ini satu jumlah peruntukan yang cukup baik dan tanda keyakinan kerajaan terhadap program ini jelas dapat menghasilkan satu keputusan yang baik kepada rakyat dalam menyalurkan bantuan makanan dan meringankan bebanan kos sara hidup rakyat.

**Para Hadirin sekalian,**

**PENUTUP**

17. Tinggi harapan saya agar Program Food Bank Siswa UMK ini **berjaya dilaksanakan secara berterusan dan mendapat kerjasama yang tidak berbelah bahagi oleh setiap pihak yang terlibat.** KPDNHEP bersedia untuk menerima apa-apa cadangan dan maklum balas agar bekalan yang disumbangkan kepada pelajar adalah mencukupi.
18. Akhir kata saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan bekerjasama untuk program ini. Saya berharap program ini akan dapat dijayakan dengan cemerlang dan berterusan sebagai inisiatif membantu pelajar yang kurang berkemampuan.
19. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan **PELANCARAN PROGRAM FOOD BANK SISWA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN.**

Sekian. Terima kasih.

*Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatu.*

**Nota tambahan:**

Senarai Universiti yang telah melancarkan Program Food Bank Siswa:

1. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Cheras;
2. Universiti Malaya (UM);
3. Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang;
4. Universiti Putra Malaysia (UPM);
5. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai;
6. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA);
7. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur;
8. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS);
9. Universiti Malaysia Sabah (UMS);
10. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI);
11. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM);
12. Universiti Sains Malaysia (USM);
13. Universiti Utara Malaysia (UUM);
14. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM);
15. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM);
16. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP);
17. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM);
18. Universiti Malaysia Pahang (UMP);
19. Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam; dan
20. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.